

HUBUNGAN PENYELIAAN DAN TEKANAN TERHADAP PRESTASI KAUNSELOR PELATIH DI MALAYSIA

*Syaliza Adiha Binti Tewiran^{1, 2}, Rahimi Binti Che Aman¹

¹Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,
Universiti Sains Malaysia

²Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja
Sosial, Universiti Utara Malaysia

*Corresponding email: syaliza6@student.usm.my

DOI: <https://doi.org/51200/sapj.v13i2.6865>

Abstract: *Supervisory relationships, stress and performance of trainee counselors are matters that need to be emphasized in internship training. This study was conducted to investigate the level of reliability of the instruments and the relationship between variables in the study of supervisory relationships and stress on the performance of trainee counselors in Malaysia. This study used three instruments, namely The Short Supervisory Relationship Questionnaire (S-SRQ) to study the supervisory relationship between trainee counselors and academic supervisors, Counselling Psychology Trainee Stress Survey (CPTSS) to study the stress of trainee counselors and Counselor Performance Inventory (CPI) to see the performance of trainee counselors.. The study respondents consisted of 183 trainee counselors who underwent internship training in various organizations and agencies in Malaysia. The results of the study showed that the reliability was high ($\alpha=.892-.967$) and there was a significant correlation between the study variables. Overall, this study showed that the supervisory relationship and the stress faced by trainee counselors had an impact on their performance throughout their internship training.*

Keywords: Supervisory Relationships, Stress, Performance, Trainee counsellor

Abstrak: Hubungan penyeliaan, tekanan dan prestasi kaunselor pelatih merupakan perkara yang perlu diberi penekanan dalam latihan internship. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap kebolehppercayaan instrument dan hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian hubungan penyeliaan dan tekanan terhadap prestasi kaunselor pelatih di Malaysia. Kajian ini menggunakan tiga instrumen iaitu *The Short Supervisory Relationship Questionnaire* (S-SRQ) untuk mengkaji hubungan penyeliaan antara kaunselor pelatih dengan penyelia akademik, *Counselling Psychology Trainee Stress Survey* (CPTSS) untuk mengkaji tekanan kaunselor pelatih dan *Counselor Performance Inventory* (CPI) iaitu untuk melihat prestasi kaunselor pelatih. Responden kajian terdiri daripada 183 orang kaunselor pelatih yang menjalani latihan internship di pelbagai organisasi dan agensi di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebolehppercayaan yang tinggi ($\alpha = .892-.967$) dan mempunyai korelasi yang signifikan antara pemboleh ubah kajian. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa hubungan penyeliaan dan tekanan yang dihadapi oleh kaunselor pelatih memberi impak kepada prestasi mereka sepanjang menjalani latihan internship.

Kata Kunci: Hubungan Penyeliaan, Tekanan, Prestasi , Kaunselor Pelatih

PENGENALAN

Prestasi kaunselor pelatih merujuk kepada tahap keberkesanan, kompetensi dan pengaplikasian kemahiran kaunseling seseorang kaunselor pelatih yang sedang menjalani latihan intership. Prestasi ini dinilai melalui kecekapan dalam mengaplikasikan teori kaunseling, kemahiran asas, kepatuhan kepada etika kaunseling secara profesional dan kesan yang positif kepada klien semasa memberikan perkhidmatan kaunseling (Borders et al.,2020; Fernando & Hulse-Killacky, 2021). Latihan internship memberikan peluang kepada kaunselor pelatih untuk mengasah kemahiran mereka melalui pengalaman sebenar dalam berinteraksi dengan klien di bawah penyeliaan penyelia akademik dan penyelia lapangan.

Menurut Ibrahim et al. (2021), prestasi kaunselor pelatih sering diukur berdasarkan beberapa aspek utama, termasuk kemahiran komunikasi, keupayaan membina hubungan terapeutik dengan klien, pematuhan

kepada etika profesional, serta kebolehan menjalankan intervensi kaunseling yang sesuai. Melalui perspektif penilaian, prestasi kaunselor pelatih biasanya dinilai melalui pelbagai kaedah seperti pemerhatian langsung oleh penyelia, penilaian maklum balas klien, analisis laporan kes dan refleksi sendiri kaunselor pelatih (Mohamad et al., 2023). Penilaian ini bertujuan memastikan bahawa kaunselor pelatih bukan sahaja memiliki pengetahuan teoritikal yang kukuh tetapi juga mampu menerapkannya dalam amalan profesional mereka semasa memberikan perkhidmatan kaunseling di organisasi atau agensi terpilih.

Kajian Ibrahim et al. (2021) menunjukkan bahawa kaunselor pelatih yang menerima penyeliaan yang berkualiti cenderung untuk menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding mereka yang kurang mendapat bimbingan dan sokongan. Hubungan penyeliaan memainkan peranan penting dalam perkembangan profesional kaunselor pelatih. Penyeliaan yang berkesan bukan sahaja memberikan bimbingan dan sokongan tetapi juga membantu dalam membentuk kemahiran dan keyakinan diri kaunselor pelatih (Bernard & Goodyear, 2019). Hubungan penyeliaan yang berkualiti dapat membantu mengurangkan tekanan ini dengan menyediakan ruang untuk refleksi sendiri, bimbingan yang konstruktif, dan peluang untuk meningkatkan kecekapan kaunseling (Ladany, 2021). Oleh itu, penyelia perlu memainkan peranan sebagai mentor yang memahami keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh kaunselor pelatih serta menyediakan sokongan yang bersesuaian untuk memastikan mereka dapat menjalani latihan dengan lebih berkesan dan berkeyakinan serta memperoleh prestasi yang baik dalam latihan internship.

Selain kepentingan hubungan penyeliaan, kaunselor pelatih di Malaysia menghadapi tekanan yang tinggi semasa latihan internship termasuk berkaitan prestasi dan pengurusan klien (Salleh & Ibrahim, 2017). Tekanan ini boleh berpunca daripada jangkaan tinggi oleh penyelia, beban tugas yang berat serta ketidakseimbangan antara teori dengan amalan kaunseling (Ibrahim et al., 2021).

Kajian menunjukkan bahawa tahap tekanan yang tinggi boleh menjejaskan keberkesanan sesi kaunseling serta kesejahteraan mental kaunselor pelatih (Nor & Alias, 2020). Selain itu, tekanan ini boleh

berpunca daripada pelbagai faktor seperti gaya penyeliaan yang kurang menyokong, keperluan untuk memenuhi keperluan klien yang pelbagai, serta persekitaran latihan yang mencabar (Hashim & Zakaria, 2022). Kaunselor pelatih yang mengalami tekanan berlebihan cenderung mengalami sindrom keletihan emosi atau *burnout* yang boleh menjejaskan motivasi serta keupayaan mereka dalam memberikan perkhidmatan kaunseling yang berkesan kepada klien (Ghazali et al., 2023). Malah, tekanan ini juga memberi kesan kepada prestasi kaunselor pelatih jika ianya tidak dapat dikawal.

Hubungan penyeliaan kaunselor pelatih dengan penyelia akademik

Dalam konteks latihan kaunseling di Malaysia, hubungan penyeliaan antara kaunselor pelatih dengan penyelia akademik memainkan peranan penting dalam membentuk kemahiran profesional serta perkembangan peribadi kaunselor pelatih (Mohd Ali et al., 2020). Penyelia akademik bertanggungjawab bukan sahaja untuk memastikan kaunselor pelatih memahami teori kaunseling secara mendalam tetapi juga membantu mereka mengaplikasikan teori tersebut dalam amalan sebenar (Bernard & Goodyear, 2019). Penyelia akademik juga berperanan dalam memantau perkembangan kaunselor pelatih dari aspek akademik, etika, serta kemahiran refleksi sendiri (Ibrahim et al., 2021).

Menurut Ladany (2021), penyelia akademik bertindak sebagai fasilitator yang menyediakan bimbingan intelektual dan emosi kepada kaunselor pelatih. Hubungan penyeliaan yang kukuh dan menyokong dapat membantu kaunselor pelatih menyesuaikan diri dengan cabaran dalam latihan, mengurangkan tekanan, serta meningkatkan keberkesanan mereka dalam menjalankan sesi kaunseling. Sebaliknya, jika hubungan penyeliaan yang lemah seperti komunikasi yang tidak jelas atau maklum balas yang tidak membina, kaunselor pelatih boleh berasa terasing dan kurang keyakinan dalam menjalankan tugas mereka (Hashim & Zakaria, 2022).

Dalam latihan kaunseling, penyelia akademik juga berfungsi sebagai penghubung antara institusi pengajian tinggi dengan organisasi atau agensi latihan di mana kaunselor pelatih menjalani latihan internship.

Penyelia akademik memastikan bahawa pengalaman latihan yang diperoleh oleh kaunselor pelatih sejajar dengan kurikulum akademik serta memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia (Ghazali et al., 2023). Kajian menunjukkan bahawa kaunselor pelatih yang menerima penyeliaan akademik yang berkualiti lebih bersedia menghadapi situasi klien yang mencabar dan mampu membuat refleksi yang lebih mendalam terhadap amalan kaunseling yang kaunselor pelatih sedang lalui (Nor & Alias, 2020). Menurut Bernard dan Goodyear (2019), hubungan penyeliaan yang berkesan merupakan elemen utama dalam proses pembangunan profesional kaunselor pelatih kerana perkara tersebut bukan sahaja mempengaruhi pencapaian kemahiran kaunseling tetapi juga memberi kesan kepada kesejahteraan dan prestasi kaunselor pelatih sepanjang latihan internship.

Secara keseluruhannya, hubungan penyeliaan yang baik antara kaunselor pelatih dan penyelia akademik adalah faktor penting dalam memastikan kejayaan latihan kaunseling. Hubungan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada perkembangan kemahiran kaunselor pelatih tetapi juga membantu mereka membina keyakinan dan kesejahteraan mental sepanjang proses latihan.

Tekanan kaunselor pelatih

Tekanan yang dihadapi kaunselor pelatih sering berpunca daripada keperluan untuk memenuhi kehendak akademik, beban kerja yang tinggi serta ketidakpastian dalam menangani pelbagai jenis klien (Mohamad et al., 2023). Menurut kajian oleh Ibrahim et al. (2021), salah satu punca utama tekanan dalam kalangan kaunselor pelatih ialah peralihan daripada persekitaran akademik ke persekitaran kerja profesional. Mereka sering berhadapan dengan cabaran dalam mengaplikasikan teori kaunseling ke dalam amalan sebenar, terutama apabila berurusan dengan klien yang mempunyai isu kompleks. Selain itu, tekanan juga boleh meningkat apabila mereka perlu memenuhi standard dan keperluan yang ditetapkan oleh institusi akademik serta tempat latihan atau agensi mereka.

Beban tugas melibatkan pengurusan dan penyediaan laporan sesi dan persiapan rakaman video sesi kaunseling boleh menimbulkan tekanan

dan keletihan mental kaunselor pelatih (Ramli & Md. Yusof, 2024). Di samping itu, keperluan menepati kehendak rubrik penilaian yang ketat turut memberi tekanan yang signifikan kepada kaunselor pelatih sepanjang menjalani latihan internship di agensi terpilih.

Tambahan lagi, tekanan berkaitan kurangnya sokongan daripada penyelia akademik, penyelia agensi, rakan sebaya mahupun keluarga berisiko tinggi seseorang kaunselor pelatih mengalami tekanan emosi. Ketidakjelasan peranan penyelia dan kurangnya peluang untuk perbincangan secara reflektif menyebabkan kaunselor pelatih menerima impak yang negatif kepada pengalaman latihan internship (Arifin et al., 2023).

Selain tekanan kerana kurangnya sistem sokongan daripada beberapa individu penting, tekanan boleh berlaku kerana penempatan latihan internship yang tidak sesuai contohnya kekurangan fasiliti seperti bilik sesi kaunseling, lokasi yang jauh daripada tempat tinggal kaunselor pelatih, staf agensi yang tidak membantu dan kerja yang berlebihan atau tidak sesuai dengan perkhidmatan yang perlu diberi sebagai kaunselor pelatih menjadi sumber tekanan tambahan bagi mereka. Perkara ini juga boleh terjadi kerana organisasi atau agensi latihan kurang bersedia untuk menyokong kaunselor pelatih secara profesional kerana kekangan yang ada (Salleh & Ibrahim, 2017).

Latihan internship bukan sahaja memerlukan kemahiran secara teknikal, malah turut mencabar kaunselor pelatih dari segi pembangunan diri. Cabaran ini kadang kala memberikan tekanan kepada mereka dalam mengharungi latihan internship di organisasi atau agensi terpilih. Cabaran membina identiti profesional, menyesuaikan diri kaunselor pelatih dengan budaya organisasi dan mengendalikan emosi sendiri semasa berdepan dengan klien yang sukar merupakan faktor-faktor yang boleh menambah tekanan kaunselor pelatih (Aren & Pisal, 2021).

Kajian luar negara oleh Yoon, Lee dan Gong (2023) menunjukkan bahawa kaunselor pelatih berdepan dengan halangan seperti tekanan kewangan, kesukaran bahasa, isu imigresen dan isolasi sosial. Tekanan yang dihadapi membawa kesan kepada kesejahteraan emosi kaunselor pelatih malah mengurangkan keberkesanan strategi daya tindak

sekiranya tiada sokongan sosial yang mencukupi (Yoon, Lee & Gong, 2023).

Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa hubungan penyeliaan antara kaunselor pelatih dengan penyelia akademik serta tekanan yang mereka hadapi sepanjang latihan internship memberi impak kepada prestasi mereka.

METOD

Reka bentuk kajian

Kajian ini dilaksanakan menggunakan soal selidik sebagai alat ukuran utama. Pengkaji menggunakan kaedah diskriptif untuk melihat tahap hubungan, tekanan dan prestasi dalam kalangan kaunselor pelatih. Manakala analisis korelasi dijalankan untuk melihat hubungan antara hubungan penyeliaan dengan prestasi dan hubungan tekanan dengan prestasi kaunselor pelatih di Malaysia.

Sampel kajian

Sampel kajian adalah seramai 183 orang kaunselor pelatih dari lima buah universiti awam di Malaysia yang menawarkan program kaunseling. Kaunselor pelatih ini sedang menajalani latihan internship di organisasi atau agensi terpilih sama ada di badan-badan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), universiti awam dan universiti swasta. Sampel kajian dipilih secara persampelan rawak berstrata.

Instrumen kajian

Soal selidik kajian ini terdiri daripada empat bahagian. Bahagian A terdiri daripada demografi responden dan Bahagian B berkaitan hubungan penyeliaan iaitu *The Short Supervisory Relationship Questionnaire* (S-SRQ). Instrumen hubungan penyeliaan ini dibangunkan oleh Cliffe, Beinart dan Cooper (2016) dengan mempunyai 18 item soalan berkaitan persepsi kaunselor pelatih terhadap hubungan penyeliaan bersama penyelia akademik. Bahagian C pula berkaitan tekanan kaunselor pelatih iaitu *Counselling Psychology Trainee Stress Survey* (CPTSS) oleh Kumary dan Baker (2008) dibina oleh Kumary dan Baker (2008) dengan mengambil 34 item soalan yang sesuai dengan budaya dan persekitaran kaunselor pelatih di Malaysia. Manakala,

Bahagian D menyentuh prestasi kaunselor pelatih iaitu *Counselor Performance Inventory* (CPI) yang dibina oleh Iannelli (2000) sebanyak 41 item. Prestasi kaunselor pelatih dilihat dalam tiga dimensi iaitu berkaitan kemahiran kaunselor, ilmu kaunselor dan ciri-ciri hubungan terapeutik interpersonal kaunselor pelatih.

Analisis data

Untuk menganalisis kajian ini, SPSS versi 26.0 telah digunakan. Maklumat yang telah diperolehi daripada soal selidik yang dijalankan dianalisis untuk melihat tahap kebolehpercayaan setiap instrumen dalam kajian menggunakan nilai *cronbach's alpha*. Selain itu, tahap tinggi, sederhana atau rendah setiap instrumen juga dianalisis bagi menjawab persoalan kajian ini. Seterusnya, korelasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah kajian.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian adalah hasil analisis yang telah dijalankan dalam kajian ini. Di bawah menunjukkan keputusan kebolehpercayaan instrumen kajian.

Keputusan kebolehpercayaan instrumen

Jadual 1 Keputusan kebolehpercayaan instrumen kajian

Bil.	Instrumen kajian	Variabel	Keputusan
1.	<i>The Short Supervisory Relationship Questionnaire</i> (S-SRQ)	Hubungan penyeliaan	$\alpha = .892$
2.	<i>Counselling Psychology Trainee Stress Survey</i> (CPTSS)	Tekanan	$\alpha = .967$
3.	<i>Counselor Performance Inventory</i> (CPI)	Prestasi kaunselor pelatih	$\alpha = .950$

Jadual 1 menunjukkan keputusan kebolehpercayaan bagi instrumen

kajian yang digunakan dalam kajian ini. Instrumen *The Short Supervisory Relationship Questionnaire (S-SRQ)* yang digunakan untuk mengukur hubungan penyeliaan antara kaunselor pelatih dengan penyelia akademik menunjukkan keputusan tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai $\alpha = .892$. Seterusnya bagi instrumen *Counselling Psychology Trainee Stress Survey (CPTSS)* digunakan untuk mengukur tekanan dalam kalangan kaunselor pelatih menunjukkan keputusan nilai tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi iaitu nilai $\alpha = .967$. manakala bagi instrumen *Counselor Performance Inventory (CPI)* digunakan untuk menilai prestasi kaunselor pelatih sepanjang latihan internship menunjukkan keputusan tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai $\alpha = .950$ iaitu kebohpercayaan yang kukuh dalam mengukur aspek prestasi ini. Secara keseluruhannya, nilai *Cronbach's Alpha* bagi ketiga-tiga instrumen ini melebihi 0.8, yang menunjukkan bahawa instrumen kajian adalah sangat boleh dipercayai dan sesuai digunakan dalam kajian ini.

Keputusan tahap pemboleh ubah kajian

Seterusnya, keputusan kajian melihat kepada tahap setiap pemboleh ubah yang dikaji iaitu tahap hubungan penyeliaan, tahap tekanan kaunselor pelatih dan tahap prestasi kaunselor pelatih.

Jadual 2 Tahap hubungan penyeliaan

Tahap hubungan penyeliaan	Kekerapan	Peratus
Rendah (18-53)	-	-
Sederhana (54- 89)	2	1.1
Tinggi (90- 126)	181	98.9
Jumlah	183	100

Jadual 2 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan bagi tahap hubungan penyeliaan iaitu tahap tinggi seramai 181 orang responden (98.9%) dan seramai 2 orang responden (1.1%) pada tahap sederhana. Manakala tiada hubungan penyeliaan yang berada di tahap rendah.

Jadual 3 Tahap tekanan

Tahap tekanan	Kekerapan	Peratus
Rendah (0-45)	54	29.5

Sederhana (46-90)	96	52.5
Tinggi (91-136)	33	18.0
Jumlah	183	100

Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan bagi tahap tekanan kaunselor pelatih. Seramai 33 orang responden (18.0%) berada pada tahap tinggi, diikuti seramai 96 orang responden (52.5%) pada tahap sederhana dan seterusnya seramai 54 orang responden (29.5%) pada tahap rendah.

Jadual 4 Tahap prestasi kaunselor pelatih

Tahap prestasi kaunselor pelatih	Kekerapan	Peratus
Rendah (41-95)	-	-
Sederhana (96- 150)	34	18.6
Tinggi (151-205)	149	81.4
Jumlah	183	100

Seterusnya, berdasarkan Jadual 4 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan bagi tahap prestasi kaunselor pelatih. Seramai 149 orang responden (81.4%) berada pada tahap tinggi dan seramai 34 orang responden (18.6%) pada tahap sederhana. Manakala, tiada responden yang berada di tahap rendah.

Keputusan korelasi

Keputusan kajian yang seterusnya adalah melihat korelasi pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar.

Jadual 5 Analisis korelasi antara hubungan penyeliaan dengan prestasi kaunselor pelatih

	Prestasi kaunselor pelatih (<i>r</i>)	Sig.
Hubungan penyeliaan	.238	.001

Jadual 5 menunjukkan hasil keputusan analisis korelasi antara hubungan penyeliaan dengan prestasi kaunselor pelatih. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara hubungan penyeliaan dengan prestasi kaunselor pelatih [$r(183) = .238$,

$p < .05$]. Oleh yang demikian, hipotesis yang mengatakan terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan penyeliaan dengan prestasi kaunselor pelatih di Malaysia adalah diterima.

Jadual 6 Analisis korelasi antara tekanan dengan prestasi kaunselor pelatih

	Prestasi kaunselor pelatih (<i>r</i>)	Sig.
Tekanan	-.219	.003

Jadual 6 menunjukkan hasil keputusan analisis korelasi antara tekanan dengan prestasi kaunselor pelatih. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara tekanan dengan prestasi kaunselor pelatih [$r(183) = -.219, p < .05$]. Oleh yang demikian, hipotesis yang mengatakan terdapat hubungan antara tekanan dengan prestasi kaunselor pelatih di Malaysia adalah diterima.

PERBINCANGAN

Hasil keputusan kajian menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan untuk semua alat ujian instrumen yang dikaji berada ditahap yang tinggi dan konsisten iaitu nilai $\alpha = .892$ bagi hubungan penyeliaan, nilai $\alpha = .967$ untuk tekanan kaunselor pelatih dan nilai $\alpha = .950$ bagi prestasi kaunselor pelatih. Ketiga-tiga nilai ini melebihi tahap minimum 0.70 (Hair et al., 2021). Nilai ini juga menunjukkan bahawa item-item yang dibina adalah stabil dalam mengukur konstruk yang dikaji dalam kajian (Hair et al., 2021; Taber, 2018). Keputusan kajian ini adalah serasi dengan kajian-kajian lepas yang mempunyai nilai pekali kebolehpercayaan yang tinggi.

Seterusnya, hasil analisis kajian berkaitan tahap setiap instrumen kajian. Hasil tahap hubungan penyeliaan adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu 98.9% menjawab berada pada tahap ini di mana menunjukkan bahawa hubungan penyeliaan antara kaunselor pelatih dan penyelia akademik berada dalam tahap yang sangat baik. Begitu juga dengan tahap prestasi kaunselor pelatih menunjukkan hasil analisis berada di tahap yang tinggi iaitu sebanyak 81.4%. Bagi tahap tekanan pula, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap tekanan kaunselor pelatih

kebanyakannya berada di tahap yang sederhana iaitu 52.5%. Hal ini menunjukkan lebih separuh kaunselor pelatih menjawab pada tahap sederhana. Terdapat juga tahap rendah dan tinggi tetapi lebih ramai yang berada di tahap sederhana. Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian lepas iaitu Ismail dan Hassan (2021) yang menunjukkan keputusan bahawa kaunselor pelatih umumnya mengalami tekanan pada tahap sederhana hingga tinggi semasa menjalani latihan praktikum dan internship.

Manakala, bagi keputusan analisis korelasi hubungan penyeliaan dengan prestasi kaunselor pelatih menunjukkan hubungan positif yang signifikan. Semakin tinggi hubungan penyeliaan antara kaunselor pelatih dengan penyelia akademik, semakin tinggi prestasi kaunselor pelatih sepanjang latihan internship mereka. Hasil kajian ini selari dengan kajian Arifin et al. (2023) yang menunjukkan bahawa kualiti hubungan penyeliaan memberi kesan yang signifikan terhadap pencapaian kaunselor pelatih. Hasil kajian Bearman et al. (2017) juga menekankan kepentingan hubungan penyeliaan yang dapat meningkatkan pemindahan kemahiran iaitu prestasi kaunselor pelatih. Hal ini menunjukkan bahawa hubungan penyeliaan yang berkualiti dan pendekatan penyeliaan yang sistematik mampu meningkatkan keberkesanan latihan dan prestasi kaunselor pelatih secara menyeluruh sepanjang menjalani latihan internship.

Seterusnya, korelasi antara tekanan dengan prestasi kaunselor pelatih menunjukkan hubungan negatif yang signifikan. Hal ini menunjukkan bahawa semakin rendah tekanan yang dihadapi oleh kaunselor pelatih, semakin tinggi prestasi yang mereka boleh tunjukkan sepanjang latihan internship. Kajian Ismail dan Hassan (2021) menunjukkan bahawa tekanan yang berlebihan dikaitkan dengan penurunan prestasi praktikal dan akademik kaunselor pelatih. Hal ini menjelaskan bahawa tekanan yang dihadapi sepanjang latihan memberi hubungan yang signifikan secara negatif dan kesan kepada prestasi kaunselor pelatih itu sendiri.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hubungan penyeliaan dan tekanan memberi kesan yang ketara kepada prestasi kaunselor pelatih sepanjang latihan internship mereka. Hubungan penyeliaan yang efisien, sesuai dan

efektif membantu kaunselor pelatih melalui fasa latihan sebagai seorang kaunselor yang profesional dengan lebih baik. Penyelia akademik perlu memainkan peranan yang sesuai dan profesional dalam membantu kaunselor pelatih mengharungi latihan internship ini. Dengan bantuan dan penyeliaan yang berkesan, kaunselor pelatih dapat memahami perkhidmatan yang sepatutnya diberikan kepada klien dan juga agensi dengan lebih cemerlang hingga mendapat prestasi yang bermutu sebagai bakal kaunselor yang profesional kelak. Latihan yang sepatutnya diberikan dan diterima dengan baik, melahirkan seorang kaunselor yang mempunyai kompetensi yang tinggi dalam bidang kaunseling.

Selain hubungan penyeliaan, tekanan yang kaunselor pelatih hadapi memberi impak yang besar kepada prestasi mereka jika tidak dapat diatasi dengan baik. Oleh yang demikian, kaunselor pelatih perlu bersedia lebih awal kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku dalam cabaran menjadi kaunselor pelatih semasa latihan praktikum dan juga internship. Tekanan yang dihadapi perlu diatasi dengan strategi daya tindak yang sesuai dan sokongan yang baik daripada pelbagai pihak termasuk sokongan daripada penyelia akademik dan juga agensi.

Kenyataan Persetujuan Termaklum

Saya akui bahawa penyertaan saya dalam kajian ini adalah pilihan saya sepenuhnya dan saya mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan saya pada bila-bila masa sahaja dengan alasan yang munasabah, dan tanpa dikenakan sebarang denda atau bayaran. Saya dengan sukacita memilih untuk menyertai kajian ini.

Konflik Kepentingan

Pengkaji mengisytiharkan bahawa tidak wujud dan tidak berlaku sebarang konflik kepentingan.

Pernyataan Etika

Segala prosedur dan kaedah yang digunakan semasa kajian dijalankan terutamanya yang melibatkan penyertaan manusia sebagai responden telah dijalankan dengan mematuhi panduan etika yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa kajian institusi. Responden yang terlibat dalam kajian ini juga memberikan persetujuan termaklum mereka atas kerelaan hati sendiri.

Sumbangan Pengarang

Syaliza Adiha Binti Tewiran merupakan pengkaji yang menyumbang sebahagian besar dalam kajian ini yang merangkumi konsep asas pemboleh ubah kajian, kaedah kajian yang digunakan, termasuklah pengumpulan, penganalisisan dan pentafsiran data. Rahimi Che Aman pula terlibat dalam menilai hasil analisis kajian, penulisan dan membuat penambahbaikan dalam penulisan artikel ini.

Pembiayaan

Saya bagi pihak penulis lain memaklumkan bahawa tiada dana khusus yang diperoleh dalam menghasilkan penulisan ini.

Penghargaan

Sekalung penghargaan buat semua responden kajian yang sudi berkongsi maklumat seperti yang dikehendaki dalam kajian. Ucapan ribuan terima kasih juga buat Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, di atas peluang yang diberikan bagi menjalankan kajian ini.

Penyataan Ketersediaan Data

Saya bagi pihak penulis lain ingin menyatakan bahawa data kajian ini adalah hak milik pengkaji.

RUJUKAN

- Aren, M., & Pisal, W. (2021). Exploration of Self-Care Practices from Coping Strategies Perspective among Trainee Counsellors. *Acta Humanities, Social Sciences and Economica*.
- Arifin, S., Zakaria, N. S., Wan Jaafar, W. M., Nor Ghazali, M., & Sakari, N. S. (2023). The impact of supervision process toward counselling competencies among Malaysian trainee counsellors. *IAFOR Journal of Education*, 11(3), 93–111.
- Bearman, S. K., Schneiderman, R. L., & Zoloth, E. (2017). Building an evidence base for effective supervision practices: An analogue experiment of supervision to increase EBT fidelity. *Administration and Policy in Mental Health and Mental Health Services*

Research, 44(2), 293-307.

Bernard, J. M., & Goodyear, R. K. (2019). *Fundamentals of Clinical Supervision*. Pearson.

Borders, L. D., Eubanks, C. F., & Cashwell, C. S. (2020). Supervision for counselors-in-training: A competency-based approach. *Journal of Counseling & Development*, 98(4), 405–415.

Fernando, D. M., & Hulse-Killacky, D. (2021). The relationship of supervision quality and trainee counselor performance: A structural equation modeling approach. *Counselor Education and Supervision*, 60(3), 176–191.

Ghazali, F., Ismail, N., & Rahman, H. A. (2023). Burnout among counseling trainees: Causes, consequences, and coping strategies. *Malaysian Journal of Counseling & Psychology*, 15(1), 21-39.

Ghazali, M., Noah, S. M., Hassan, S. A., & Jaafar, W. M. W. (2017). Hubungan PK, KE, KS dan EKK Terhadap Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(3).

Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2021). *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)* (3rd ed.). Sage Publications.

Hashim, R., & Zakaria, N. (2022). Supervision styles and trainee counselors' stress levels: A Malaysian study. *International Journal of Counseling Psychology*, 8(3), 112-130.

Ibrahim, M., Hashim, S., & Salleh, N. (2021). The impact of supervision on trainee counselor's performance: A Malaysian perspective. *Journal of Counseling Studies*, 34(2), 45-60.

Ismail, N., & Hassan, S. (2021). Stress level among counseling trainees during practicum: Challenges and coping strategies. *Malaysian*

Ladany, N. (2021). *Counselor Supervision: Principles and Practices*. Routledge.

Mohamad, S., Rahim, N. A., & Yusof, H. (2023). The role of academic supervision in enhancing trainee counselors' professional development. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 10(2), 55-72.

Ramli, M. H., & Md Yusof, H. (2024). *Stres dalam kalangan kaunselor pelatih yang menjalani internship kaunseling di institusi pengajian tinggi*. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 17(Isu Khas 3), 174–182.

Salleh, A. M., & Ibrahim, F. (2017). Stress and coping strategies among trainee counsellors during practicum. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 683–692.25–34.

Taber, K. S. (2018). The use of Cronbach's Alpha when developing and reporting research instruments in science education. *Research in Science Education*, 48(6), 1273–1296.

Yoon, E., Lee, G., & Gong, L. (2023). Career barriers and coping efficacy with international students in counseling psychology programs. *International Journal for the Advancement of Counselling*, 45(1), 20–37.